

FOR MCQ QUESTIONS:

REMINDER: READ CAREFULLY THE INSTRUCTIONS ON THE FRONT PAGE.

PERINGATAN: BACA DENGAN TELITI ARAHAN PADA MUKA SURAT HADAPAN.

Area :	BAHASA MALAYSIA	Sub-Area	
--------	-----------------	----------	--

1. Bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata ialah...

- A. fonologi
- B. sintaksis
- C. morfologi

2. Apakah makna morfem dalam unit tatabahasa?

- A. Susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan).
- B. Unit yang terkecil dalam bahasa yang berfungsi gramatis.
- C. Bentuk bahasa yang terkecil dan mengandungi makna yang lengkap.

3. Pilih kumpulan yang mengandungi bentuk imbuhan yang betul.

- A. Awalan dan akhiran
- B. Awalan, akhiran dan sisipan
- C. Awalan, akhiran, sisipan dan apitan

4. Cerpen, pawagam, MARDI, FELDA, jentolak

Perkataan di atas ialah ...

- A. akronim
- B. kata terbitan
- C. kata pinjaman

5. Apakah pola gabungan konsonan-vokal bagi perkataan 'keluarga'.

- A. KV + KV + VK+ KV
- B. KV + VK+ VK + VK
- C. VK + VK + KV +VK

6.	Siku - Sesiku Langit – Lelangit Perkataan di atas ialah ...
	A. kata ganda penuh
	B. kata ganda separa
	C. kata ganda berentak

7.	Bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan ayat ialah...
	A. fonologi
	B. sintaksis
	C. morfologi

8.	Yang manakah kata majmuk yang mendukung maksud kiasan atau simpulan bahasa?
	A. Luar biasa
	B. Kanta tangan
	C. Tumbuk rusuk

9.	Antara perkataan di bawah, yang manakah kata majmuk yang dianggap mantap?
	A. Kapal terbang
	B. Tandatangan
	C. Naib Canselor

10.	Pilih kata nama am abstrak.
	A. Pekerja
	B. Jambatan
	C. Kedamaian

11.	Ayat: Azmi makan <u>ayam goreng</u> itu. Rangkaian kata yang bergaris di atas ialah...
	A. frasa
	B. objek
	C. keterangan

12.	Warna kereta abang biru tua. Pilih ayat songsang yang betul bagi ayat yang di atas.
A.	Warna biru tua kereta abang.
B.	Kereta abang warna biru tua.
C.	Biru tua abang warnakan keretanya.

13.	Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi...
A.	hanya satu frasa
B.	hanya satu klausa
C.	hanya satu predikat

14.	Ayat: Aeron pandai <u>kerana dia rajin belajar</u> . Klausa yang bergaris di atas ialah...
A.	klausa utama
B.	klausa bebas
C.	klausa tak bebas

15.	Simpulan bahasa yang bermaksud tali persaudaraan yang jauh ialah...
A.	darah daging
B.	paku Belanda
C.	bau-bau bacang

16.	Pilih ayat pasif yang betul.
A.	Penjahat itu kena tangkap.
B.	Akan dijelaskan sepenuhnya hutang itu.
C.	Saya sudah selesaikan kerja itu semalam.

17.	Yang manakah ayat majmuk pancangan?
A.	Nurhaliza membeli baju yang berwarna biru.
B.	Shamsuri pandai bermain badminton dan hoki.
C.	Naili membaca buku, tetapi kawannya yang sudah letih telah lama tidur.

18.	Pilih ayat yang susunannya seperti yang berikut: Subjek (Nama terbitan) + Predikat (kata adjektif)
A.	Masin ialah rasa garam
B.	Masakan itu enak sekali.
C.	Negaraku lagu kebangsaan kita.

19. Pilih kumpulan yang mengandungi jenis-jenis ayat perintah.

A. Ayat suruhan dan ayat larangan.

B. Ayat suruhan, ayat larangan dan ayat silaan.

C. Ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan dan ayat permintaan.

20. Unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap adalah merujuk kepada definisi...

A. ayat

B. frasa

C. klausa